

Buku Rekod Perkhidmatan [*Bahagian II PP Bil. 5/2007 dan SPP Bil. 15/2008*]

Setiap kakitangan UPSI mempunyai Buku Rekod Perkhidmatan. Buku tersebut adalah 'Sulit' tetapi individu boleh melihat dan menyemak Buku Rekod Perkhidmatan masing-masing.

Segala yang berkaitan dengan perkhidmatan akan dicatat dalam Buku Rekod Perkhidmatan.

BSM akan mengemaskini Buku Rekod Perkhidmatan apabila terdapat perubahan dalam perkhidmatan.

BSM akan memohon Buku Rekod Perkhidmatan jika kakitangan yang melapor diri di Universiti ini adalah dari Jabatan Kerajaan/Badan Berkanun sebelum ini yang telah mendapat pelepasan dengan izin.

BSM akan menghantar Buku Rekod Perkhidmatan ke agensi luar jika kakitangan Universiti ini meletakkan jawatan dan pelepasan dengan izin ke jabatan Kerajaan yang lain.

Diakhir perkhidmatan pegawai, salinan Buku Rekod Perkhidmatan akan dihantar ke Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA untuk urusan persaraan.